



# Burung Takau Rakit Sukar Dipelihara

**B**urung takau rakit (*Calyptomena viridis*) atau Green Broadbill sejenis burung liar yang mendiami kawasan hutan, terutamanya di lembangan sungai di Semenanjung Malaysia. Ada masanya, burung ini dikenali sebagai burung hujan.

Burung yang agak unik ini mempunyai sifat semula jadi, iaitu mendiami kawasan lembangan sungai, seperti di Sungai Tahan dan Sungai Kenyam yang terletak di Taman Negara Pahang. Spesies ini juga dilihat membina sarang di kawasan sungai muda di kawasan kampung yang terpencil di Pahang.

Habitat ini memudahkan spesies burung takau rakit mencari makanan dan membina sarang di pokok lianas atau akar kayu yang tergantung di tengah-tengah sungai. Warna bulu kepek dan kepala burung takau rakit dewasa hitam, sementara warna bulu pada bahagian perutnya merah menyala.



Burung takau rakit dewasa.



Anak burung takau rakit.

Bagi burung takau rakit yang masih muda, bulu pada bahagian bawah perutnya berwarna merah muda. Selain itu juga, ada bulu berwarna kuning cair pada bahagian kepaknya. Warna bulu ini bertukar hitam, apabila dewasa. Paruh burung ini lebar pada bahagian pangkal dan berwarna hijau kebiru-biruan.

Ekor takau rakit pendek dan berwarna hitam. Warna mata burung ini kuning dan anak matanya hitam. Warna bulu burung takau rakit muda tidak menyerlah seperti warna bulu burung takau rakit dewasa. Empat helai bulu kumisnya panjang. Mungkin bulu kumis yang panjang ini berguna sebagai deria ketika serangga yang sedang terbang ditangkap.

Apabila terbang, burung takau rakit menyusur sungai sambil berbunyi, "cit ... cit ... cit ... cit ...", dengan panjang dan laju. Cara burung ini terbang agak laju. Takau rakit hinggap pada dahan kayu di tebing sungai untuk berehat sambil menunggu mangsanya, iaitu serangga yang berterbangan berhampiran dengannya.

Habitat burung takau rakit ialah kawasan lembangan sungai muda, seperti Sungai Tahan, Sungai Sat, Sungai Terengganu, Sungai Yong, Sungai Atok dan Sungai Kenyam di Taman Negara Pahang. Burung takau



Paruh burung takau rakit berwarna biru.

rakit amat sesuai mendiami kawasan lembangan sungai. Hal ini dikatakan demikian kerana di tempat ini ada banyak makanannya yang terdiri daripada serangga yang mendiami kawasan sungai, seperti belalang pepatung yang menjadi makanan utamanya.

Ada pelbagai jenis belalang pepatung atau chabchibau yang mendiami kawasan lembangan sungai muda yang airnya mengalir dan masih jernih. Kawasan sungai yang redup dan ditumbuhi pokok neram amat sesuai didiami oleh burung ini.

Pokok lianas yang akarnya berjuntai hingga permukaan sungai sesuai dijadikan sebagai sarang burung takau rakit ini. Burung takau rakit juga mendiami kawasan hutan paya gambut yang ada anak sungai mengalir di situ.

Burung takau rakit tidak ada di kawasan hutan gunung atau hutan paya bakau kerana habitat ini amat tidak sesuai didiami oleh spesies ini. Burung ini juga tidak ada di kawasan lapang yang terdedah kepada cahaya matahari, seperti kawasan lombong tinggal atau kawasan sungai tua.

Makanan burung takau rakit terdiri daripada serangga kecil yang mendiami kawasan lembangan sungai, seperti

belalang patung atau pepatung yang terdiri daripada pelbagai jenis dan spesies. Belalang pepatung selalunya bertelur di kawasan yang berair jernih dan tidak dicemari oleh sebarang pencemar bahan kimia atau kekotoran. Berenga belalang patung hidup di dalam air sebelum menjadi kepompong dan menjelma menjadi belalang pepatung yang terbang di udara.

Secara biasanya, kepompong ini melekat di atas batu yang ada di dalam sungai. Ada pelbagai jenis belalang pepatung yang mendiami kawasan lembangan sungai ini. Saiznya ada yang besar dan kecil. Burung takau menunggu belalang pepatung terba daripada permukaan air dan menya mangsa ini dengan pantas. Yang selalunya, burung ini bertenggek pada dahan kayu yang tumbuh di tepi sungai untuk menunggu mangsanya.

Selain belalang pepatung, burung takau rakit juga memakan serangga yang berkeliaran di sekitar lembangan sungai, seperti kupu-kupu, rama-rama, kumbang dan belalang pelesit, belalang hijau atau belalang daun yang mendiami kawasan hutan.

Burung takau rakit membina sarangnya di hujung akar pokok merambat atau lianas yang tumbuh

Control No : 0000274747  
File no : ANI2016A03.pdf

Animal - General  
Pg : 26 - 28

tepi tebing sungai, seperti pokok neram. Sarangnya dibina daripada ranting halus yang bercampur dengan daun kayu serta pokok melilit. Daun kering ini dikutip dari tebing sungai.

Sarang takau rakit berbentuk bujur atau gumpalan sampah yang tergantung di hujung akar pokok lianas atau daun buluh yang tumbuh di tepi sungai. Oleh sebab itu, kadangkala, sarang burung ini disangka sampah yang hanyut dan tersangkut pada akar kayu yang terjuntai.

Burung takau rakit betina menghasilkan dua hingga tiga biji telur. Telur ini dieram oleh burung takau rakit betina dalam tempoh antara dua hingga tiga minggu. Anak burung takau rakit yang masih kecil diberikan makanan oleh ibunya pada sepanjang masa. Belalang pepatung dan serangga yang dimamah dan menjadi lembut diberikan kepada anaknya sehingga anak ini dapat terbang mengikut ibunya mencari makanan.

Anak burung takau rakit dewasa berpisah daripada ibunya dan mencari kawasan keliraran baharu untuk meneruskan kehidupan. Burung takau rakit suka menyendiri.

Burung takau rakit ditemukan di kawasan sungai yang belum dicemari oleh air kumbahan atau kekotoran. Apabila sungai tercemar, jumlah hidupan

air berkurang. Belalang pepatung pula tidak bertelur di dalam air yang tercemar. Hal ini menyebabkan jumlah belalang pepatung berkurang. Hal ini bermakna makanan utama burung takau rakit juga berkurang.

Kawasan sungai yang terbuka juga amat tidak sesuai didiami oleh burung takau rakit. Penebangan pokok neram atau pokok yang tumbuh di tepi tebing sungai menyebabkan burung ini kehilangan tumbuhan untuk dijadikan sebagai sarang. Ular pokok, seperti ular selinsing juga memakan telur atau anak burung takau rakit yang kecil.

Burung takau rakit tidak digemari oleh pemburu haram kerana sukar dipelihara di dalam kurungan. Pemakanan yang unik menyebabkan burung ini mudah mati di dalam kurungan. Selain itu, burung takau rakit juga tidak mudah dipelihara di zoo.

Burung takau rakit digolongkan dalam kumpulan burung liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar Bilangan 716 Tahun 2010. Individu yang didapati menangkap, membunuh atau memelihara burung ini boleh didenda hingga RM50 ribu atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Burung takau rakit yang mempunyai warna bulu yang cantik dan menarik ini perlu dipelihara dan dilindungi agar

tidak pupus. Habitat asal burung ini, iaitu kawasan lembangan sungai muda juga perlu dipelihara agar dapat dijadikan sebagai tempat bersarang dan membiak bagi burung takau rakit yang makin pupus. Tidak kurang juga, hakisan tanah yang disebabkan oleh pembalakan haram atau pembalakan yang tidak terkawal di bahagian hulu sungai muda menyebabkan air sungai yang jernih tercemar. Hal ini pasti mengganggu kehidupan burung takau rakit ini. □



Perut takau rakit dewasa berwarna merah.

